

Angkasa kemuka empat cadangan Bajet 2018

KUALA LUMPUR 17 Okt. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berharap agar kerajaan mempertimbangkan empat perkara berkaitan cukai dalam pembentangan Bajet 2018 hujung bulan ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ini kerana ia penting dalam menjana pembangunan perniagaan koperasi di negara ini.

"Pertama, kita memohon tambahan dana sebanyak RM500 juta sebagai modal pusingan di bawah Tabung Modal Pusingan yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) supaya dapat diagihkan kepada setiap koperasi menerusi pinjaman mudah.

"Kedua, pengurangan cukai korporat koperasi daripada 24

peratus kepada 21 peratus kerana sektor koperasi sudah membayar sebanyak 24.3 peratus kepada Tabung Pembangunan dan Pendidikan Koperasi berbanding syarikat sendirian berhad hanya membayar cukai itu sebanyak 24 peratus sahaja.

"Ketiga, kita minta agar had cukai jualan dinaikkan daripada RM750,000 kepada RM1.5 juta serta perbelanjaan mesyuarat agung koperasi tahunan boleh diambil kira dalam pengiraan penolakan cukai kerana ia merupakan aktiviti yang boleh menjana pendapatan," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Angkasa dengan syarikat Yakult

(Malaysia) Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Pengarah Urusannya, Hiroshi Hamada bagi membantu koperasi sekolah memasarkan produk minuman probiotik Yakult dengan harga kompetitif kepada pelajar.

Dalam majlis sama, Angkasa turut memeterai MoU dengan Koperasi Guru Besar Selangor Berhad yang diwakili oleh Pengurusnya, Abdul Aziz Md. Ali bagi memasarkan produk dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) atau dikenali sebagai Kit STEM.

Kit STEM itu merupakan bahan bantu mengajar yang terdiri daripada perisian, bahan amali dan manual panduan yang berunsur permainan mencabar minda.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia